



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## KEPERIHATINAN MASYARAKAT TERHADAP ANAK-ANAK YATIM

### KAJIAN KES: KAWASAN SEMARIANG JAYA DAN TAMAN SUKMA

DAYANG FATIMAH AWANG HIDUP  
NOOR NASIMAH BUJANG  
NORASMAH NORNI  
NORHADIZAH HASSAN  
ZAINAH SEMAN

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK  
PROJEK PELAJAR

“Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang Universiti Teknologi MARA bagi memenuhi keperluan Diploma Pentadbiran Awam”

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

OKTOBER 1999

**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PENGHARGAAN	i
SURAT PENYERAHAN TUGAS	ii
SENARAI JADUAL	iv-vi
SENARAI GAMBARAJAH	viii-x

**BAB 1**

1.0 TAJUK PENYELIDIKAN	1-2
1.1 LATAR BELAKANG	3-4
1.2 SKOP KAWASAN KAJIAN	5
1.3 PENYATA MASALAH	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	7-8
1.5 METODOLOGI	9-11
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN KES	12-14
1.7 HIPOTESIS	15-16
1.8 HAD / KONSTREN KAJIAN	17
1.9 TINJAUAN LITERATURE	18-22
1.10 DEFINISI DAN ISTILAH	23-24

## BAB 1

### 1.0 TAJUK PENYELIDIKAN

Tajuk Penyelidikan yang akan dibincangkan di dalam cadangan penyelidikan ini ialah Keperihatinan Masyarakat Terhadap Anak-Anak Yatim di Bandaraya Kuching. Tumpuan kajian kami adalah tertumpu kepada dua buah kawasan, iaitu Samariang Jaya dan Taman Sukma. Kedua-dua kawasan ini diambil kira sebagai skop kajian kami dengan melihat keperihatinan masyarakat sekeliling terhadap anak-anak yatim yang tinggal di rumah anak-anak yatim yang berdekatan(PEYATIM). Di mana rumah tersebut terletak di Samariang yang dapat menampung seramai 120 orang penghuni.

Sebelum kita meninjau tajuk penyelidikan, terlebih dahulu kami ingin menerangkan definisi tajuk penyelidikan, agar dapat difahami dengan lebih mendalam. Keperihatinan berasal dari kata dasar perihatin. Keperihatinan ialah perihal menimbulkan rasa mengambil berat, memberi perhatian, kesungguhan menunjukkan minat atau perihatian berat pada seseorang atau sesuatu.<sup>1</sup> Perkataan masyarakat pula merujuk kepada kumpulan manusia yang hidup bersama(dalam sesuatu tempat dengan aturan-aturan dan cara tertentu).<sup>2</sup> Manakala perkataan terhadap pula diambil dari kata dasar iaitu hadap. Terhadap membawa maksud perihal kepada, berkenaan dengan mengenai.<sup>3</sup> Anak-anak pula membawa maskud banyak budak.<sup>4</sup> Manakala yatim pula bolehlah ditarifkan sebagai anak yang

---

<sup>1</sup> (1996) Kamus Dewan-edisi ke 3(Bahasa Malaysia), DBP, Kuala Lumpur , m.s 1056.

<sup>2</sup> (1989) Kamus Dewan-edisi baru(Bahasa Malaysia), DBP, Kuala Lumpur, m.s 806.

<sup>3</sup> (1989) Kamus Dewan-edisi baru(Bahasa Malaysia), DBP, Kuala Lumpur, m.s 390.

<sup>4</sup> (1989) Kamus Dewan-edisi baru(Bahasa Malaysia), DBP, Kuala Lumpur, m.s 37.

## **BAB 2**

### **2.0 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN**

Bandaraya Kuching terbahagi kepada 2 iaitu Bandaraya Kuching Utara dan Bandaraya Kuching Selatan. Bandaraya Kuching Utara di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuching Utara di mana ia mempunyai 62 taman perumahan yang terdiri daripada rumah kos rendah dan sederhana. Semariang Jaya juga di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuching Utara. Kawasan ini merupakan kawasan perkampungan yang juga didiami oleh penduduk yang rata-rata daripada mereka adalah berpendapatan sederhana.

Penduduk yang menetap di kawasan kajian iaitu Semariang Jaya dan Taman Sukma terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh, Cina dan lain-lain bangsa. Rata-rata penduduk yang tinggal di kawasan kajian datang dari pelbagai tempat. Terdapat dikalangan penduduk tersebut yang baru berpindah disebabkan oleh urusan pekerjaan atau pertukaran tempat kerja. Maka tidak hairanlah terdapat diantara mereka tidak mengetahui tentang kewujudan Kompleks Kebajikan Laila Taib (PEYATIM) yang terletak berhampiran di kawasan tersebut.

Dari segi pekerjaan penduduk di kawasan kajian, mereka terdiri dari mereka yang bekerja di sektor awam, sektor swasta dan bekerja sendiri. Penduduk di kawasan kajian kebanyakannya bekerja di pejabat-pejabat kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuching Utara, jabatan-jabatan, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya.

## BAB 3

### 3.0 ANALISIS DATA

#### 3.1 BANGSA

Carta pai di atas menunjukkan senarai bangsa responden. Didapati bahawa sebanyak 94 orang responden adalah berbangsa melayu. Ini merupakan jumlah yang terbanyak berbanding dengan bangsa-bangsa yang lain. Manakala responden berbangsa Cina dan Iban masing-masing sebanyak 14 orang. Lain-lain bangsa pula adalah sejumlah 18 orang. Lain-lain bangsa ini adalah terdiri daripada mereka yang berbangsa Bidayuh, Melanau,Jawa dan lain-lain lagi. Maka di sini dapatlah disimpulkan bahawa penduduk di kawasan ini majoritinya terdiri daripada kaum bumiputera.

Bangsa	Bilangan Responden	Peratus (%)
Melayu	94	67
Cina	14	10
Iban	14	10
Lain-lain	18	13

